

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 27 MEI 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuat pindaan ke atas Akta Perusahaan 1967.

PR-1332-L69082

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sememangnya merancang untuk membuat pindaan undang-undang perburuhan secara holistik. Pindaan undang-undang ini bukan sahaja melibatkan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 malah juga melibatkan undang-undang perburuhan yang lain iaitu Akta Kerja 1955 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada masa kini KSM sedang giat menjalankan sesi *engagement* dengan pelbagai *stakeholder* bagi mendapatkan input cadangan pindaan tersebut. Sesi *engagement* bersama pegawai-pegawai perhubungan perusahaan dan bekas pegawai-pegawai perhubungan perusahaan telah diadakan pada bulan April 2015. Manakala sesi *engagement* dengan kesatuan-kesatuan sekerja dan pihak majikan dijangka diadakan pada bulan Mei dan Jun 2015.